

## **Analisis Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role And Reference Grammar (RRG)**

Maslida Yusof  
[maslida@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:maslida@pkrisc.cc.ukm.my)

Faculty of Social Sciences and Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk menunjukkan dan membincangkan sifat dan pola kehadiran preposisi bahasa Melayu berasaskan kepada struktur semantik kata kerja. Makalah ini mencadangkan bahawa satu kelas kata kerja yang berkongsi struktur semantik yang sama mempunyai hubungan dengan kehadiran preposisi dalam ayat. Dalam makalah ini hubungan antara kata kerja dan preposisi akan berlandaskan notasi dan konsep semantik *Teori Role and Reference Grammar* (RRG) - Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2005). Representasi semantik dalam *Teori Role and Reference Grammar* berasaskan representasi predikat iaitu kata kerja yang berasaskan dekomposisi *Aktionsart*. *Aktionsart* ialah kelas leksikal yang dianggotai oleh sesuatu kata kerja berdasarkan jenis proses, keadaan dan sebagainya seperti yang dimaksudkan oleh kata kerja tersebut. Kelas *Aktionsart* terbahagi kepada kata kerja keadaan, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti, kata kerja aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja. Representasi bagi dekomposisi kategori *Aktionsart* yang berbeza dipanggil sebagai 'struktur logik' (SL). Hubungan antara SL kata kerja dan preposisi akan berfokuskan preposisi lokatif bahasa Melayu iaitu preposisi *di*, *ke* dan *dari*. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan menunjukkan SL bagi preposisi dan juga meneliti bagaimana kemunculan preposisi lokatif boleh diramal dan ditentukan dalam ayat berdasarkan SL kata kerja bahasa Melayu. Data kajian ini diperoleh daripada dua buah novel iaitu, Novel *Buih* dan Novel *Noni*.

**Katakunci:** *Aktionsart*, preposisi lokatif, Struktur Logik (SL), representasi semantik.

## **Analysis Of Malay Locative Prepositions Within The Framework Of Role And Reference Grammar (RRG)**

### **Abstract**

The purposes of this article are to reveal and to discuss the characteristics and the patterns of Malay prepositions based on verb semantic structures. This article proposes that the verbs classes which share the same semantic structures have the similar relationship with the occurrence of the prepositions in the clause. In this article, the discussion of the relationship between the verbs and the presence of the prepositions is based on the notation and semantics concept of Role and Reference Grammar Theory - Van Valin and LaPolla (1997) and Van Valin (2005). Semantic representation in RRG is based on predicate representation, namely the verbs which are constructed by *Aktionsart* decomposition. *Aktionsart* is a lexical class to which a verb belongs by virtue of the type of process, state, and so forth, that it designates. *Aktionsart* class is divided into states, activities, achievements, accomplishment, active accomplishment, and a causative version of each of them. Representation for the *Aktionsart* decomposition class is called "Logical Structure" (LS). Three types of locative prepositions are scrutinized to examine the link, namely *di*, *ke* and *dari*. In this regard this article will reveal the LS of prepositions and also investigate how the occurrence of locative prepositions can be predicted and determined by the LS of Malay verbs. The data are amassed from two novels, namely *Biuh* and *Noni*.

**Keywords:** *Aktionsart*, locative prepositions, Logical Structure, semantic representation.